



RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

Personal Smart Shield

Baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Personal Smart Shield. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.

1 Apakah produk ini?

Ini adalah pelan insurans tanpa penyertaan yang menawarkan perlindungan sehingga akhir tempoh sijil 3 tahun untuk Hayat yang Diinsuranskan yang memperoleh pinjaman persendirian daripada institusi kewangan. Pelan ini membayar jumlah diinsuranskan menyusut secara sekali gus jika Hayat yang Diinsuranskan meninggal dunia atau mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) dalam tempoh perlindungan sijil ini.

Perlindungan sijil ini akan menyusut sepanjang tempoh sijil.

2 Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Sijil Insurans ini melindungi:

- Manfaat Kematian - RM 10,000 ; atau
- Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)* - RM 10,000 yang menyusut sepanjang tempoh perlindungan sijil.

*Catatan

- Jumlah yang Diinsuranskan adalah termasuk duti setem dan premium tunggal, jika premium disatukan.
- Perlindungan untuk Manfaat HUMK terhenti pada akhir tahun polisi berikutan dengan Hayat yang Diinsuranskan mencapai umur 65 tahun.
- Jumlah maksimum yang diinsuranskan bagi Manfaat HUMK tertakluk kepada RM 5 juta bagi semua polisi berkaitan dengan kredit di bawah Tokio Marine Life Insurance Malaysia Berhad.
- Jika kematian/HUMK berlaku dalam tempoh 6 bulan pertama daripada Tarikh Kuatkuasa Insurans, hanya jumlah premium yang dibayar akan dipulangkan.
- Manfaat yang akan dibayar mungkin kurang daripada pinjaman yang belum dijelaskan.

Tempoh: Sehingga berlakunya penamatan Sijil Insurans Hayat yang Diinsuranskan, kematian atau HUMK, tertakluk kepada yang mana lebih awal.

3 Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Premium tunggal yang perlu anda bayar mungkin berbeza berdasarkan keperluan pengunderaitan (jika ada) syarikat insurans. Anggaran premium tunggal yang perlu anda bayar : RM 559

4 Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

Komisen wakil jualan:

Pelan Asas - 10% daripada Premium Tunggal

5 Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya ketahui?

- Kepentingan pendedahan - anda mestilah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubahan dan menyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh bertenang – anda boleh membuat permintaan untuk membatalkan Sijil Insurans dalam tempoh lima belas (15) hari setelah penyerahan Sijil Insurans ini kepada anda, melalui Pemilik Polisi (institusi kewangan) dan mengembalikan Sijil Insurans kepada Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.. Pemilik Polisi harus memaklumkan pembatalan tersebut kepada Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. dengan segera untuk membatalkan perlindungan insurans anda. Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. akan mengembalikan premium tunggal yang dibayar tolak elaun perubahan yang ditanggung (jika ada) kepada anda.

Catatan: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi/ sijil insurans untuk mendapatkan terma dan syarat di bawah polisi ini.

6 Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Tiada sebarang manfaat akan dibayar untuk:

- Kematian
 - membunuh diri dalam tempoh satu (1) tahun dari Tarikh Kuat Kuasa Insurans; atau
 - tempoh bagi kehamilan kini pada Tarikh Kuat Kuasa Insurans, termasuk aborsi, keguguran, dan komplikasi daripada kehamilan pada pengetahuan Hayat yang Diinsuranskan.



- Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)
 - cuba untuk membunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman);
 - kecederaan yang disengajakan atau kecederaan semasa di bawah pengaruh dadah atau alkohol;
 - Kecederaan semasa mengambil bahagian dalam kelajuan yang membahayakan atau pertandingan daya ketahanan;
 - sebarang aktiviti penerbangan (tidak termasuk perjalanan sebagai penumpang atau krew untuk kapal terbang yang dikendalikan oleh Penerbangan Antarabangsa dan pemegang lesen untuk perkhidmatan penumpang untuk perjalanan berjadual);
 - pelayaran kapal selam;
 - rusuhan dan kekecohan awam atau serangan perang, perang seperti aktiviti, revolusi, tindakan keganasan;
 - tindak balas nuklear, radiasi dan kontaminasi;
 - Penyakit Sindrom Kurang Daya Tahan atau jangkitan daripada Penyakit Virus Kurang Daya Tahan; atau
 - akibat daripada penglibatan Hayat yang Diinsuranskan dalam kegiatan jenayah.

Catatan: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi/ sijil insurans untuk mendapatkan senarai lengkap pengecualian di bawah pelan ini.

7 Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Institusi kewangan yang memberikan kemudahan kredit kepada anda akan menjadi pemilik polisi ini. Pemilik polisi (institusi kewangan) mempunyai hak untuk menyerahkan polisi untuk mendapatkan nilai serahan (jika ada).
Jika anda memilih untuk menyelesaikan pinjaman anda dengan membayar balik penuh pinjaman pada tarikh yang lebih awal dari tarikh tamat tempoh asal, maka anda boleh meminta pemilik polisi menyerahkan Sijil Insurans untuk nilai serahan (jika ada) atau meneruskan perlindungan pelan ini.

Sila dimaklumkan bahawa nilai tunai yang akan dibayar (jika ada) kepada anda oleh syarikat insurans akan kurang daripada premium tunggal yang telah dibayar.

8 Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan dalam maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

9 Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat lanjut tentang insurans hayat, sila rujuk buku panduan insuranceinfo tentang "Insurans Hayat" yang disediakan di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkannya daripada wakil jualan atau melayari www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.
Ground Floor, Menara Tokio Marine Life
189, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.
Tel: 603-2059 6188
Fax: 603-2161 6068
E-mail: groupcr@tokiomarinelife.com.my

10 Lain-lain jenis perlindungan serupa yang disediakan?

Sila tanya kami/ wakil jualan kami untuk pelan yang seumpama.

MAKLUMAT PENTING:

ANDA MESTILAH MEMASTIKAN BAHAWA LIABILITI KREDIT ANDA DIINSURANSKAN DALAM JUMLAH YANG SESUAI. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL JUALAN ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Pelan insurans ini ditaja jamin oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Berhad (457556-X), sebuah Syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah pada 21-September-2022.